


Masihkah Anakanda Ingat?

Se-masa di bangku sekolah dahulu, walaupun sudah sampai ke tingkatan lima, kita kerap kali bersedih kerana terpaksa berpisah dengan guru kerana ditukarkan ke sekolah lain. Kita pun mengadakan majlis perpisahan bagi mengucapkan terima kasih dan selamat jalan kepadanya. Ramai yang menangis, ramai yang merah mata dan ramai yang sebak. Kerana kita sayang pada guru itu, kita tidak sanggup kehilangannya. Apabila guru penggantinya tiba, kita pun bertemu dengannya untuk mengucapkan selamat datang. Kita membuka tali silaturrahim supaya hubungan kita seterusnya akan menjadi baik. Masihkah anakanda ingat peristiwa begini?

Dari Meja TNC (HEP)



Y. Bhg. Dato' Profesor Dr. Hashim Yaacob

Dan apabila anakanda sudah berada di universiti sebagai mahasiswa, yang lebih bijak dari dulunya, masihkah anakanda memegang pada nilai yang pada satu ketika dulu anakanda amalkan?

Berbahagiaalah ayahanda kira seseorang pensyarah, TNC atau NC kalau diberi penghormatan sebegini oleh mana-mana pertubuhan mahasiswa.

Antara Embun dan Insan

Telah turunlah embun suci, pada dinihari. Lalu singgah sejenak di daun keladi sehingga pagi.

Angin pun bertiup mengocak keladi. Lalu gugur embun suci ke rumput bumi.

Mentari pun terbit menghangat bumi. Lalu lesap embun suci menghilang sepi.

Di alam fana ini insan adalah embun: hinggap sekejap meminjam bumi. Tiba ajal pulanglah ia.

*** Hashim Yaacob
TNC (HEP)

KURSUS BINA NEGARA JABATAN PERDANA MENTERI

Bagi sesi 2001/2002, Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) telah menetapkan kepada pelajar Melayu/Muslim tahun pertama untuk mengikuti Kursus Bina Negara, Jabatan Perdana Menteri. Kursus akan dijalankan secara berperingkat berdasarkan cuti semester pengajian. Mahasiswa yang terpilih mengikuti kursus ini berdasarkan notis yang dikeluarkan di sekitar Kompleks Perdanasiswa dan kolej-kolej kediaman dikehendaki mengisi Borang Kursus Bina Negara yang disediakan di kaunter HEP. Surat pengesahan dan maklumat lengkap kursus akan dihantar kepada mahasiswa yang terpilih oleh HEP.

Mahasiswa! Semoga anda tenang menghadapi peperiksaan dan didoakan agar berjaya dengan cemerlang.

SECANGKIR KOPI KELAT....

oleh: Abdul Jalil Othman
Pensyarah Fakulti Pendidikan

Rakan anda mungkin pernah berkata - orang ini panas baran, dia pula kaki meniru dan yang ini pula kaki ponteng. Ini sebenarnya label identiti. Label yang diberi kepada seseorang. Pada suatu ketika yang lain, anda mungkin mendengar yang ini pula - dia seorang penyabar, dia pula ulat buku dan si polan ini pula sangat rajin orangnya. Ini juga label kepada identiti diri seseorang. Antara label pertama dan kedua sangatlah berbeza. Yang pertama bersifat negatif. Label kedua pula bersifat positif. Jadi, identiti mana yang anda ingin labelkan bergantung pula kepada sikap anda sendiri.

Untuk membina identiti diri bukanlah satu perkara yang mudah. Pertama, apakah bentuk identiti diri yang hendak dibina? Keduanya, bagaimanakah untuk kita membinanya? Ketiganya, bagaimanakah cara terbaik untuk melestarikan identiti kita? Hari ini, berdirilah di hadapan cermin. Tanyalah diri anda identiti apakah yang ingin dilabelkan untuk diri anda?

Walau apapun, secara beransur, bentuklah pembawaan gaya diri yang selesa supaya lama kelamaan kesemua tingkah laku anda dapat diberi label yang positif oleh rakan anda.

Kata pujangga, *Prepare yourself for the world, as the athletes used to do for their exercise; oil your mind and your manners, to give them the necessary suppleness and flexibility; strength alone will not do.* Kata pujangga lain pula, *The superior man will watch over himself when he is alone. He examines his heart that there may be nothing wrong there, and that he may have no cause of dissatisfaction with himself.*

Kata pantun lama pula,

Jangan diraba sarang lebah
Lebah beribu berani mati
Jangan cuba hendak bermegah
Kerana itu perkara keji

Anak buruk di tepi pantai
Pandai melompat pandai berlari
Biar buruk kain dipakai
Asal hidup pandai berbudi.

MAHASISWA DAN WAWASAN DIRI

oleh: Mohd Fakhrurazi Ibrahim

Setiap individu impikan kecemerlangan dan kebahagiaan dalam hidup mereka. Situasi ini pastinya lebih ketara di kalangan mahasiswa universiti dengan anggapan bahawa mereka merupakan golongan yang terpelajar dan peluang menjadi lebih baik berbanding orang lain.

Di atas kertas, tanggapan begitu seolah-olah tidak boleh dinafikan, namun hakikat yang berlaku adalah sebaliknya. Mengapa begitu? Semua ini bergantung kepada wawasan diri setiap individu. Mereka yang tiada wawasan termasuk mahasiswa akan kabur arah tuju yang hendak dicapai, menyebabkan kecemerlangan ternafi..

Dalam kesebukan belajar di universiti, mahasiswa bertanggungjawab membentuk wawasan masa depan. Merangka wawasan bukanlah suatu yang mudah, namun tidak terlalu sukar. Ketika berada di gedung ilmu, mahasiswa perlu mendapatkan sebanyak mungkin ilmu dan pengalaman. Persoalannya ialah ilmu apa dan pengalaman bagaimana yang hendak dicari? Dalam

keadaan ini, mereka perlu faham keutamaan sebagai pelajar. Sebagai individu yang masih belajar, mereka perlu bertanya mereka yang telah lama belajar dan mahir ilmu dan pengalaman. Jangan malu atau segan; jangan takabur atau sombong diri untuk ilmu dan masa depan.

Semasa belajar di peringkat rendah, guru bertanyakan tiga cita-cita, namun berada di universiti, mahasiswa perlu menetapkan sendiri wawasan diri. Gagal dalam pengajian adalah suatu yang perit, namun ada yang sengaja menggagalkan diri mereka. Mereka terlibat dengan berbagai aktiviti yang tidak membina wawasan diri dan jauh dari tradisi ilmu. Keterlibatan mereka tentunya bermula dengan diri mereka sendiri. Di mana kemampuan akal dan daya fikir sebagai seorang mahasiswa? Mengapa tidak dimanfaatkan?

Mahasiswa! Anda adalah penentu masa depan diri sendiri. Anda perlu memiliki wawasan diri yang jelas. Berada di universiti adalah peluang terbaik untuk mencari ilmu dan pengalaman, bukan membinasakan diri dan menghancurkan masa depan. Lihat di sekeliling anda, siapa yang telah dan boleh membantu untuk cemerlangkan masa depan anda.

MAHASISWA PERLU TAHU

PERLANJUTAN PINJAMAN

Saya ingin memaparkan statistik pelajar yang telah mengemukakan permohonan kepada penaja seperti JPA dan PTPTN untuk melanjutkan pinjaman.

Tahun	Penaja	Bilangan Pemohon	Bil. Yang Diluluskan
2000-2001	PTPTN	558	18
	JPA	1,205	1111

Fenomena melanjutkan pinjaman semakin ketara sejak tahun 2000. Kriteria pelajar yang layak memohon perlanjutan, PTPTN telah dinyatakan seperti dalam BICARA HEP, bil. 07. Walau bagaimanapun JPA masih bersikap fleksibel untuk meluluskan pinjaman perlanjutan.

Kelulusan permohonan perlanjutan pinjaman PTPTN bagi sesi 2001/2002 telah diperolehi oleh HEP pada 5 September 2001. Hanya 18 pelajar sahaja yang diluluskan pinjaman. Pelajar diingatkan agar tidak terlalu berharap kepada penaja untuk memberi kelulusan perlanjutan. Rancangan pembelajaran anda dengan mendapatkan nasihat dari penasihat akademik bagi memastikan anda dapat menyelesaikan pengajian dalam tempoh minima.

Seperti yang ayahanda TNC (HEP) pernah nyatakan dalam BICARA HEP bil. 12, "Kemudahan pinjaman PTPTN yang diberikan kepada anakanda ini adalah kemudahan yang diberikan oleh kerajaan dan bukannya menjadi hak mutlak anakanda". Apabila perlanjutan tidak diluluskan, jangan terus memarahi penaja. Anda dinasihatkan berjumpa terus dengan pegawai di JPA atau PTPTN untuk membuat rayuan. Bagi pelajar tajaan JPA yang belum mendapat jawapan perlanjutan dari penaja, anda diminta menghubungi terus JPA untuk mengetahui sebab kelewatan



Wise Words

The highest reward for a man's toil is not what he gets for it, but what he becomes by it.

John Ruskin

Sumbangan:
Puan Rohani Ramly

kelulusan.

Memang tidak dinafikan untuk menghubungi talian JPA sejak jabatan itu berpindah ke Putrajaya agak sukar. Carilah masa untuk pergi ke JPA dan ada baiknya anda mengenali sendiri penaja anda. Di sana ada rekod yang terkini dan masalah anda dapat ditangani segera. Saya difahamkan JPA mengadakan mesyuarat untuk mempertimbangkan perlanjutan pinjaman sebulan sekali.

Disediakan oleh: Aziah Saad

BAHASA KITA BAHASA DUNIA

Penggunaan Kata Ganti Singkat "Ku"

Kata ganti singkat *ku* boleh berfungsi sebagai objek sendi apabila *ku* disatukan dengan kata sendi yang ada didepannya. Kata-kata sendi yang boleh diimbuhi kata ganti singkat *ku* termasuk *kepada*, *daripada*, *pada*, *oleh*, *bagi* dan *untuk*.

Contoh penggunaan:

- i. Ayahnya memberikan wang itu *kepadaku*.
(Bukan: Ayahnya memberikan wang itu kepada *ku*.
Ayahnya memberikan wang itu kepada-*ku*.)

- ii. Adik meminta nasihat *daripadaku*.
- iii. Engkau boleh menggunakan komputernya yang ada *padaku*.
- iv. Menyanyi dan menari bukanlah mudah *bagiku*.
- v. Perkara yang berat itu tidak terfikir *olehku*.
- vi. Majlis keraian itu diadakan *untukku*.

Sumber: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)
oleh: Abdul Razak Halifa

Kenali Warga HEP

Beliau merupakan anak kelahiran Kuala Lumpur. Pendidikan awalnya bermula di Sekolah Assunta Convent, Pertaling Jaya. Beliau menerima ijazah M.B.B.S di King George Medical College, Lucknow, India pada tahun 1975 dan Sarjana M. Sc. (Public Health), National University of Singapore, Singapura pada tahun 1990.

Memulakan tugas di Klinik Kesihatan Pelajar Universiti Malaya pada April 1992 sebagai Pegawai Perubatan dan kini sebagai **Doktor Kesihatan Kanan** sejak Oktober 1996.

Harapannya kepada pelajar-pelajar agar menjaga kesihatan diri iaitu kesihatan fizikal, mental dan 'spiritual' atau kerohanian. Kesihatan penting untuk mencapai kecemerlangan dalam pelajaran. Setiap pelajar perlu meluangkan sedikit masa setiap hari untuk apa juga aktiviti jasmani atau sukan yang mereka minati.

Moto Hidup: *Bersatu berkhidmat demi kebaikan pelajar. Tiada pelajar, tiada universiti. Kerjaya kami bergantung kepada universiti yang maju dan cemerlang.*




Dr. Vasanta
Kumari N.

Pemimpin Persatuan Pelajar

Presiden Kolej Kediaman Kelapan

Saudara **Fahrol Fahmy Jaafar** merupakan anak kelahiran Kuala Lumpur. Beliau kini mengikuti Kursus Ijazah Sarjana Muda Sains (Biokimia). Sebelum dipilih sebagai **Presiden** Kolej Kediaman Kelapan, beliau pernah terlibat dengan beberapa aktiviti seperti Minggu Interaksi Asasi, Minggu Eksplorasi Minda, Sejambak Budi, Malam Anugerah Kinabalu, Khidmat Siswa, Pengarah Eksekutif Debat ASEAN V, AJK Tugas-tugas Khas JKP Akademi Intelektual, Pembantu Mahasiswa dan Pengerusi JKP Akademik Intelektual.



Fahrol Fahmy
Jaafar

Sasaran sebagai Presiden Kolej: Untuk merealisasikan hasrat "Teratas di Persada Perdana" dengan projek-projek yang berkualiti. Menjuarai pertandingan yang disertai dalam pelbagai disiplin seperti sukan, kesenian dan akademik. Mewujudkan suasana muhibbah di kalangan mahasiswa Kolej Kediaman Kelapan.

Harapan: Semoga mahasiswa yang lahir dari universiti ini mempunyai keyakinan diri, keberanian dan iltizam yang tinggi untuk mengambil tanggungjawab memimpin masyarakat. Namun yang paling penting ialah mewujudkan masyarakat Malaysia yang berakhlak mulia dan bersedia untuk bekerja keras demi memajukan negara.

Dairi HEP

29 September 2001

Berjalan untuk Perpaduan anjuran NADI Hal Ehwal Pelajar ditunda kepada 29/9/2001 jam 8.00 pagi, di Dataran Gazebo berhadapan Kompleks Perdanasiswa Blok D. Setiap kumpulan terdiri dari 10 peserta (5L:5P). Hadiah khas diberikan kepada penyertaan terbanyak daripada mana-mana Fakulti/Akademi/ Kolej/Persatuan. Untuk maklumat lanjut sila hubungi Encik Shafie/Cik Zamilah (Tel: 7967 3291/3507).

Derma Darah Kebangsaan 2001, Kolej Kediaman Kelima, Universiti Malaya. Program ini akan dijalankan seperti berikut:

- A. **13 - 14 Oktober 2001**, di Terminal 1 Seremban (Negeri Sembilan) dan Angsana Plaza (Johor Bahru) dari jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang.
- B. **20 - 21 Oktober 2001**, di Mahkota Parade (Melaka), dari jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang.
- C. **27 - 28 Oktober 2001**, di Bukit Jambul (Pulau Pinang), dari jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang.

Makluman

Sebarang penulisan membina dan iklan-iklan yang ingin dimuatkan di dalam Bicara HEP boleh dikemukakan kepada:

Bahagian Hal Ehwal Pelajar
Blok E, Kompleks Perdanasiswa
Universiti Malaya.

Untuk perhatian:
Encik Mohd Fakhrurazi atau
Encik Abdul Razak Halifa

Tel: 79673563/3291 Faks: 79568611

• • Redaksi • •

Penasihat

Y. Bhg. Dato' Prof. Dr. Hashim Yaacob
Timbalan Naib Canselor (HEP)

Pengerak/Jawatankuasa

Puan Rohani Ramly
Encik Mohd Fakhrurazi Ibrahim
Encik Abdul Razak Halifa
Encik Azim Aziz
Encik Mohd Na'aim Muhd Noh